

TINJAUAN operasi sekatan jalan raya (SJR) PKPB di Plaza Tol Sungai Besi, semalam.



# RENTAS NEGERI DIBENARKAN

Metro PHAD, 66/12/2020, M/surya/7

**Pergerakan keluar masuk dibenarkan kecuali kawasan PKPD**

Oleh Suraya Roslan  
suraya@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**P**erintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilanjutkan di Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah bermula Isnin ini hingga 20 Disember manakala Perak, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Putrajaya, Labuan, Negeri Sembilan ditamatkan bermula hari ini.

Lanjutan dan penamatan PKPB itu berdasarkan penilaian risiko dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui kebolehjangkitan Covid-19 sesuatu kawasan.

Bagaimanapun, rentas negeri dan daerah dibenarkan seluruh negara kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula Isnin ini.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, walaupun terdapat beberapa negeri ditamatkan PKPB, tetapi terdapat beberapa lokaliti, daerah dan mukim dikenakan PKPB berikutan penilaian risiko kebolehjangkitan Covid-19

masih tinggi.

"Di Selangor, tiga daerah ditamatkan PKPB iaitu Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor manakala daerah lain dilanjutkan PKPB.

"Di Negeri Sembilan, Seremban dan Port Dickson dilanjutkan PKPB manakala di Kedah, PKPB di Kulim turut dilanjutkan selama 14 hari," katanya semalam.

Ismail Sabri berkata, di Pulau Pinang, dua mukim yang masih berada dalam zon merah iaitu Mukim 12 (Barat Daya) dan Mukim 13 (Timur Laut) akan terus dikenakan PKPB.

Kerajaan juga akan melaksanakan PKPD di dua lokaliti zon merah iaitu di Flat Jalan Paya Terubong, Relau yang dihuni kira-kira 10,000 penduduk dan flat di Desa Bistari, Batu Uban dihuni kira-kira 4,000 penduduk bermula Isnin ini.

"Selain itu, dua kawasan di Perak turut dikenakan PKPB iaitu Kinta serta Mukim Teja di daerah Kampar

dan Mukim Changkat Jong di daerah Hilir Perak.

"Kerajaan menamatkan PKPD di zon B dan zon C Taman Meru 2C, Ipoh lebih awal bermula hari ini (semalam)," katanya.

Menurut beliau, KKM turut memaklumkan berlaku peningkatan kes positif Covid-19 di Depoh Tahanan Imigresen Langkap Beserta

Kuarters di Hilir Perak iaitu 316 kes positif daripada 1,348 saringan dilaksanakan terhadap tahanan dan kakitangan.

"Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Depoh Tahanan Imigresen Langkap Beserta Kuarters, berkuat kuasa hari ini sehingga 19 Disember membabitkan 1,187 tahanan, 161 kakitangan serta 57 ahli keluarga," katanya.

Menurutnya, kerajaan turut menamatkan PKPB di Kelantan kecuali Kota Bharu, Machang, Tanah Merah dan Pasir Mas yang akan disambung PKPB.

"Selain itu, kita akan melaksanakan PKPD Di Mad-

rasah Ad-Diniah Al Fala-hiah, Kampung Dalam Huma, Bukit Awang, Pasir Putih berikutan berlaku peningkatan kes positif Covid-19," katanya.

Menurut beliau, kerajaan sebelum ini menamatkan pelaksanaan PKPB di Johor kecuali Kota Tinggi dan Mersing yang dilanjutkan sehingga 6 Disember.

"Sehingga 3 Disember, hanya ada dua kes aktif di Mersing manakala 14 kes aktif di Kota Tinggi.

"Atas nasihat dan penilaian risiko KKM, kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPB di Mersing, bagaimanapun PKPB di Kota Tinggi dilanjutkan.

"Selain itu, tiga daerah baru dikenakan PKPB iaitu Johor Bahru, Batu Pahat dan Kulai mulai 7 Disember sehingga 20 Disember bertujuan untuk mengawal pergerakan penduduk di empat daerah utama ini supaya kes tidak menular," katanya.

Menurut Ismail Sabri, bagi Terengganu, Pahang, Perlis, Melaka dan Sarawak, masih kekal di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Disember ini.

“  
Tiga daerah baru  
dikenakan PKPB  
iaitu Johor Bahru,  
Batu Pahat dan  
Kulai  
Ismail Sabri